



ASEPSAHID
GATARA

Pulihkan kehormatan politik di era Prabowo, Anwar

KEHORMATAN dalam politik Indonesia dan Malaysia kembali mendapat

sorotan umum. Sebuah akhbar tempatan, pernah menerbitkan artikel berjudul *Is There (Still) Honor in Politics?* pada 28 Julai lalu menerusi penulisan Tokoh Wartawan Malaysia, Tan Sri Johan Jaaffar yang membahas mengenai perhubungan politik dan kehormatan.

Melalui artikel itu menanyakan, apakah moral, etika dan integriti masih 'hadir' dalam kehidupan politik? Pertanyaan itu merujuk pada cerita politik Indonesia dan Malaysia yang terkini.

Untuk konteks Malaysia menggambarkan kehidupan politik, terutama pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018, yang mengalami krisis legitimasi pemerintah dan ketidakpastian politik.

Pakatan Harapan (PH) mampu mengalahkan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan UMNO yang berkuasa hampir lebih daripada 60 tahun.

Tindakan pembelotan dianggap wajar oleh politik Malaysia kerana tindakan tersebut dibiarkan meskipun sebenarnya mendapat protes dari kelompok-kelompok masyarakat awam.

Sementara itu, kehidupan politik Indonesia digambarkan dengan memotret hiruk-pikuk Pemilihan Pemilu (Pemilu) 2024. Di mana moraliti dan etika menjadi isu politik yang paling diperbincangkan dalam masyarakat Indonesia, baik di dunia maya mahupun sebenar.

Di antara peristiwa politik yang menjadi rujukannya adalah isyarat adanya gerakan tiga penggal bagi presiden. Kemudian, pemberhentian Ketua Komisi Pemilihan Umum (KPU), Hasim Ashari, oleh Dewan Kehormatan Penyelenggara Pemilu (DKPP), kerana terbukti adanya pelanggaran etika. Dan terakhir, pemecatan Ketua Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Firli Bahuri, ekoran melanggar etika.

PARADIGMA POLITIK SERUMPUN

Lantas, muncul pertanyaan dalam benak fikiran orang awam, apakah peristiwa-peristiwa politik di atas menjadi sebahagian daripada cerita kehidupan politik Indonesia dan Malaysia?

Pertanyaan ini wajar



KEHADIRAN Prabowo Subianto dan Anwar Ibrahim, diharapkan akan wujud era baharu dalam politik yang lebih bermaruah dan berteraskan prinsip-prinsip kejujuran serta keadilan. - FACEBOOK ANWAR IBRAHIM



Politik itu sendiri hadir di muka bumi sesungguhnya adalah untuk memastikan kehormatan manusia (kemanusiaan) terjaga saat harus saling berebut dalam memenuhi keperluan dan kepentingannya.”

muncul kerana orang awam semakin mudah menyaksikan realiti adegan-adegan 'ganjil' dalam panggung politik akhir-akhir ini. Ia tidak hanya menghairankan tetapi juga kluatir.

Pertanyaan ini dapat segera kita jawab dengan mengikut paradigma politik yang 'dianut' oleh negara masing-masing.

Paradigma itu sendiri, istilah yang pertama kali dikenalkan oleh Thomas Kuhn, adalah sekumpulan tata nilai yang membentuk pola pemikiran seseorang sebagai titik tolak pandangannya dan membentuk citra subjektif seseorang terhadap realiti (Robert Friedrich, 1970).

Paradigma juga banyak didefinisikan sebagai landasan berfikir, konsep dasar dalam meraih pengetahuan tentang dunia dan fenomena yang terjadi. Dalam paradigma, selain terdapat landasan berfikir, juga terkandung tujuan dalam berfikir dan bertindak.

Berdasarkan itu, paradigma politik Indonesia dan Malaysia sama-sama dapat dimaknai sebagai kumpulan tata nilai yang menjadi landasan berfikir, sikap dan bertindak tentang dunia politik.

Bezanya, tata nilai Indonesia tertumpu pada Pancasila sebagai dasar negara. Suatu tata nilai bernegara yang mengagungkan prinsip-prinsip kemanusiaan (kehormatan manusia) dengan dasar ketuhanan melalui kesatuan dan kerakyatan bagi mewujudkan keadilan.

Sementara tata nilai Malaysia pula adalah Rukun Negara sebagai ideologi negara. Tata nilai bernegara yang menyatupadukan rakyat berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesucilaan.

DARI KEINGINAN KE REALITI

Sampai titik ini sudah dapat terjawab bahawa cerita dan peristiwa politik di atas bukanlah sebahagian dari

keinginan politik Indonesia dan Malaysia kerana paradigma politik kedua-dua negara, bila merujuk pada uraian sebelumnya, sangat mengagungkan kehormatan (etika, moral, dan integriti) dalam kehidupan politik. Yang mana Pancasila dan Rukun Negara sama-sama tidak mengenai tindakan pembelotan atau pengkhianatan, kecurangan dan penghalalan segala cara.

Khusus untuk konteks Indonesia, bahawa di atas kertas sesungguhnya telah memiliki keinginan yang masih kuat tentang pentingnya kehormatan dalam politik.

Hal itu misalnya ditunjukkan dengan kehadiran lembaga kehormatan di hampir semua cabang kekuasaan. Di Mahkamah Konstitusi, terdapat Majelis Kehormatan Mahkamah Konstitusi (MKMK). Di legislatif, terdapat Mahkamah Kehormatan Dewan (MKD) dan di penyelenggara Pemilu ada Dewan Kehormatan Penyelenggara Pemilu (DKPP).

Namun demikian, dalam realitinya, sebagaimana tergambar pada cerita di atas dan juga cerita peristiwa-peristiwa politik lainnya, termasuk hiruk-pikuk cerita menjelang pemilihan kepala daerah (Pilkada) 2024, masih harus diakui ia ibarat jauh panggang dari api. Terdapat jurang antara keinginan

bernegara dengan realiti berkuasa serta berwarga.

Oleh kerana itu, mesti diingat kembali bahawa kehormatan dalam dunia kehidupan politik akan benar-benar terawat serta tegak lurus manakala paradigma politik bernegara dijelmakan secara konsisten dan konsekuen. Realitinya, wujud penyelenggaraan demokrasi dan dalam setiap proses pengambilan dasar awam.

Perlu diingat juga, politik itu sendiri hadir di muka bumi sesungguhnya adalah untuk memastikan kehormatan manusia (kemanusiaan) terjaga saat harus saling berebut dalam memenuhi keperluan dan kepentingannya.

Umum tentu masih menyimpan harapan besar pada pemerintahan baharu Indonesia yang akan dipimpin oleh Presiden Terpilih, Prabowo Subianto, sementara pentadbiran Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa kehormatan akan hadir kembali dalam kehidupan politik.

Sehingga dengan hadirnya kehormatan pada kedua-dua negara serumpun sejatinya tidak hanya mampu menghayati dan mengamalkannya sendiri, namun secara bersamaan dapat mentransformasikannya menjadi kiblat kehormatan politik serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin ini dilihat sebagai tokoh yang dapat membawa perubahan positif dengan memperkenalkan amalan politik yang lebih beretika dan berintegriti. Malah mereka juga mengutamakan kepentingan rakyat, mengekalkan nilai-nilai moral dan memperbaiki imej politik yang tercemar akibat skandal dan rasuah.

Dengan kehadiran Prabowo dan Anwar, diharapkan akan wujud era baharu dalam politik yang lebih bermaruah dan berteraskan prinsip-prinsip kejujuran dan keadilan.

PENULIS ialah Pensyarah Ilmu Politik Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP) Universitas Islam Negeri (UIN) Bandung; wakil Ketua Umum Asosiasi Program Studi Ilmu Politik (Apsipol) Indonesia dan Lembaga Pengasas Pusat Jaringan Analisis Politik Malaysia-Indonesia (CPAMIN).